



Headline: Peniaga rugi RM802,800 ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 4 May 2020

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 26

## Peniaga rugi RM802,800 ditipu Macau Scam

**SEREMBAN** - Seorang peniaga rugi sebanyak RM802,800 apabila dipedaya sindiket Macau Scam di sini April lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Abd Ghani berkata, mangsa merupakan warga emas berusia 61 tahun itu hanya menyedari ditipu selepas suspek gagal dihubungi sebelum membuat laporan polis kelmarin.

Menurutnya, mangsa dihubungi suspek kononnya dari Pos Laju Malaysia memberitahu mengenai bungkusan dari Sabah berisi kad pengenalan dan kad kredit mangsa sebelum panggilan berkenaan disambungkan kepada seorang 'anggota polis' dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah yang mendakwa



**AIBEE**

mangsa terlibat dengan kes penjualan dadah dan pengubahan wang haram.

"Mangsa turut diberitahu boleh dikenakan penjara seumur hidup bagi kesalahan itu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Aibee berkata, mangsa kemudian diminta membuka akaun di Bank Rakyat dan diminta memasukkan semuanya dari bank lain ke akaun berkenaan bagi memastikan beliau bebas daripada jenayah.

Katanya, mangsa akur arahan suspek dan membuat pindahan kali pertama pada 8 April lalu disusuli pada 14, 20, 27 dan 29 April dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM802,800.